

19 OKTOBER 2017

Adegan aksi awal pagi

SINAR HARIAN • KHAMIS 19 OKTOBER 2017

Adegan aksi awal pagi

Polis kejar seorang lelaki sejauh lebih 100KM selepas cuba lolos sekatan

ALOR PONGSU - Sepsukan anggota polis yang menaiki beberapa kereta polis terpaksa mengejar seorang lelaki sejauh lebih 100 kilometer (KM) merentasi Lebuhraya Utara Selatan (Plus) sebelum menangkapnya di Kilometer 181.2 arah utara di susur keluar Plaza Tol Alor Pongsu, awal pagi semalam.

Kejadian pada jam 2.20 pagi dipercayai berlaku di Kilometer 230 lebuhraya sama arah selatan bermula dari jambatan Pulau Pinang.

Lelaki berusia 27 tahun yang memandu sebuah kereta jenis Proton Wira itu dikejar selepas cuba melarikan diri daripada ditahan anggota polis yang sedang mengadakan rondaan cegah jenayah di kawasan Kampung Baru, Georgetown, Pulau Pinang.

Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Omar Bakhtiar Yaacob berkata, ekoran kejadian itu, polis mengadakan sekatan jalan raya berhampiran susur keluar Kuala Kangsar.

Namun menurutnya, kereta dinaiki suspek meloloskan diri memasuki lorong SmartTag sebelum membuat pusingan U untuk menghala semula ke utara.

Katanya, setelah membelok ke susur Alor Pongsu, kereta suspek terus me-



Kereta polis yang terbabas selepas dilanggar kereta dipandu suspek.

langgar palang di Plaza Tol Alor Pongsu dan membelok ke simpang kiri.

Menurutnya, kereta suspek kemudiannya terbabas dan masuk ke dalam parit lebih kurang satu kilometer dari jarak plaza tol tersebut.

"Suspek berjaya ditangkap walaupun ketika itu dia cuba melarikan diri ke ladang kelapa sawit berhampiran di Jalan Selama.

"Pemeriksaan polis menemui 10 biji pil eramin 5, satu plastik kecil dadah jenis

syabu dan satu plastik kecil dadah jenis ketamin yang disorokkan di belakang seluar dalam suspek," katanya.

Omar Bakhtiar berkata, dalam kejadian itu, seorang anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang cedera di bahu dan lengan kiri selepas kereta yang dipandunya melanggar suspek ketika cuba meloloskan diri ke susur keluar persimpangan tol Alor Pongsu.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan suspek dituduh di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



Kereta yang dipandu suspek terbabas dan terhumban ke dalam parit berdekatan susur keluar persimpangan tol Alor Pongsu, awal pagi semalam.



Suspek berjaya ditahan polis selepas melarikan diri sejauh 100KM.